

Company Name : Sasbadi Holdings Berhad
Date : 13 July 2019
Source : Utusan Borneo

Tiga Pelajar SMK St Patrick Mukah Ke Pertandingan Robotik Kebangsaan

Ahli pasukan Robotics Upper SMK St Patrick Mukah yang berbangga dengan kejayaan mereka baru-baru ini.



KAMI JUARA: Ahli pasukan Robotics Upper SMK St Patrick Mukah yang berbangga dengan kejayaan mereka baru-baru ini.

MUKAH: Tiga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Patrick Mukah bakal mewakili Sarawak pada Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC) di Kedah, September depan selepas menjuarai kategori 'Regular Rookie Upper' Sekolah Menengah NRC Peringkat Negeri yang berlangsung di SMK Chung Hua, Miri baru-baru ini.

Mereka yang mewakili pasukan Robotics Upper SMK St Patrick Mukah ialah Daniel Tay Hong Yong, Alphonsus Velariey Takin dan Muhd Irfan Syahmi Ramli.

Menurut jurulatih pasukan Ismandi Dillah, kemenangan pasukan berkenaan adalah hasil usaha dan kerjasama ahli pasukan yang bertungkus-lumus membuat persediaan sebelum kejohanan.

“Segala pengorbanan akhirnya terbalas dengan kemenangan yang dikecapi pasukan ini,” katanya kepada Utusan Borneo.

Bagaimanapun katanya, kemenangan bukanlah segala-galanya kerana apa yang lebih penting ialah melahirkan generasi yang menguasai teknologi, asas kejuruteraan, matematik dan kreativiti.

Pada masa sama katanya, disiplin tinggi tidak dinafikan banyak membantu dalam kejayaan pasukan tersebut.

Selain itu katanya, tanpa sokongan pelbagai pihak terutama pengetua, guru-guru, ibu bapa dan pelajar, kejayaan itu juga tidak mungkin menjadi kenyataan.

Selain menjuarai kejohanan, pasukan itu turut memenangi Anugerah Emas (Smart Grid) bagi kategori yang sama.

SMK St Patrick berjaya menewaskan enam pasukan lain dari seluruh Sarawak.

Sementara itu, bagi kategori ‘Regular Rookie Lower’ Sekolah Menengah, pasukan Robotics SMK St Patrick Mukah mendapat tempat keempat daripada keseluruhan sembilan pasukan yang bertanding.